

MULTI DYNAMIC PARTY ENTERPRISE

ERT 300

INSTITUT TEKNOLOGI MARA

MELAKA

1999

SURAT PENYERAHAN

Diploma Pentadbiran Awam

Semestar 05

Institut Teknologi MARA

Km 26 Jalan Lendu

78000 Alor Gajah

Melaka

26 Mac, 1999

Puan Chua Suat Ai

Tutor Asas Keusahawanan

Institut Teknologi MARA

Melaka

Puan

Laporan Projek Asas Keusahawanan dan Penyerahan Rancangan Perniagaan


Adalah dimaklumkan bahawa kami, pelajar-pelajar DPA dari kumpulan 5A dengan sukacitanya menyediakan Laporan Rancangan Perniagaan kami bagi memenuhi keperluan mata pelajaran Asas Keusahawanan (ETR 300). Untuk pengetahuan puan ia telah berjaya disiapkan seperti mana yang telah dirancangan.

Rancangan perniagaan yang kami sediakan adalah berkaitan dengan perniagaan berbentuk membeli dan menjual terus kepada pelanggan dengan menggunakan skim ansuran mudah. Matlamat yang diperolehi telah didiskusikan secara komprehensif termasuk objektif, latar belakang perniagaan, rakan kongsi, pemasaran, pengoperasian, pengurusan organisasi serta beberapa aspek lain yang dapat membantu dalam menjayakan Rancangan Perniagaan ini.


Adalah diharapkan Rancangan Perniagaan ini akan memberikan garis penerangan yang jelas tentang projek perniagaan yang bakal kami jalankan dengan lebih terperinci.

Sekian, terima kasih


Yang benar,



Syaidatul Izan Bt Ahmad



Zuha Bt Abdul Aziz



Rolizawati Bt Hj Zaini



Siti Ainshah Bt Osman



Melina Syahmirza Bt Ahmad



INSTITUT TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN MELAKA
MARA INSTITUTE OF TECHNOLOGY

Tarikh: 11hb. Januari 1999
Surat Tuan:
Surat Kami: 100-CM(AKA 37/B)

Km 26, Jalan Lendu, 78000 Alor Gajah Melaka
Tel No: 06-565241, 565341, 565342, 565770, 565771
Telefax: 06-563963
06-5591067

KEPADA SESIAPA YANG BERKENAAN

Tuan,

Sukacita dimaklumkan bahawa pelajar-pelajar yang tersenarai namanya di bawah adalah pelajar Kursus Diploma Pentadbiran Awam di Institut Teknologi MARA, Melaka. Mereka telah ditugaskan untuk membuat penyelidikan sebagai memenuhi syarat matapelajaran ETR 300 Asas Keusahawanan

Bil.	Nama Pelajar	No. ITM
1.	Melina Syahmirza Ahmad	96581970
2.	Rolizawati Hj. Zaini	96967953
3.	Siti Ainshah Osman	96966877
4.	Syaidatul Izzan Ahmad	96967610
5.	Zuha Abdul Aziz	96594878

Sukacita saya sekiranya dapat tuan membantu mereka dengan maklumat-maklumat yang berkaitan untuk menjayakan projek kajian mereka. Segala maklumat yang diperolehi akan digunakan semata-mata untuk tujuan akademik dan tidak akan disebarikan kepada umum.

Kerjasama tuan saya dahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

Yang benar,


ROZALLI HASHIM
Ketua Kursus DPA
ITM Melaka.
b/p Pengetua

1.0 PENGENALAN

Multi Dynamic Party merupakan sejenis perniagaan yang menjalankan kegiatan menjual pelbagai jenis kelengkapan rumah secara kredit. Perniagaan jenis perkongsian ini diuruskan oleh 5 orang rakan kongsi yang bertanggungjawab sebagai Pengurus Besar, Pegawai Pentadbiran, Pegawai Pemasaran, Pegawai Operasi dan Pegawai Kewangan.

Kami menawarkan skim ansuran mudah secara kredit kepada para pelanggan kami. Kami menjual pelbagai barangan kelengkapan rumah pelbagai jenama. Bagi tahun pertama jualan, kami menjual barangan seperti set pinggan mangkuk, periuk belanga dan permaidani. Bagi tahun berikutnya, apabila kewangan kami telah kukuh kami turut menjual barangan elektrik, emas dan perabot.

Perniagaan yang kami jalankan ini adalah berdasarkan sistem parti dimana kami akan keluar berparti sebanyak 15 kali dalam masa sebulan. Melalui parti ini kami akan mengumpul seberapa banyak tempahan menggunakan skim yang kami tawarkan iaitu skim ansuran mudah secara kredit. Masa untuk kami berparti adalah pada hari Sabtu dan Ahad dan dalam lingkungan pukul 2.00 hingga 5.00 petang. Berdasarkan tinjauan yang telah kami lakukan, masa tersebut adalah sesuai kerana pada masa inilah orang yang bekerja duduk dirumah untuk beristirehat bersama-sama keluarga mereka. Begitu juga dengan surirumah tangga kerana mereka berehat pada waktu ini setelah penat menguruskan rumah tangga dan anak-anak pada sebelah paginya.

Perniagaan yang kami jalankan adalah untuk membantu orang-orang kampung yang berpendapatan rendah dan sederhana. Dengan skim ansuran mudah secara kredit yang kami tawarkan ini, mereka juga berpeluang untuk memiliki barangan yang mahal seperti orang yang mempunyai pendapatan yang agak tinggi. Sasaran bagi menaikkan jualan adalah pada musim persediaan menyambut Hari Raya, dan cuti sekolah. Ini adalah kerana pada cuti sekolah adalah juga merupakan musim perkahwinan.